



## SIARAN MEDIA

### JENTAYU SUSTAINABLES BERHAD DAN YAYASAN KEBAJIKAN SABAH HULUR BANTUAN BANJIR DENGAN SUMBANGAN TERKUMPUL BERJUMLAH (RM 550,000)

**KOTA KINABALU, SABAH, 10 Januari 22** – JENTAYU Sustainables Berhad (“JENTAYU”) [sebelumnya dikenali sebagai IPMUDA Berhad] dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Sabah (“YKS”) telah berjaya mengumpul dana sebanyak **RM 550,000** di dalam **Majlis Pengumpulan Dana bagi Mangsa Banjir** bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu pada 10 Januari 2022.

Pihak JENTAYU telah menaja keseluruhan kos Majlis Pengumpulan Dana, manakala 100% sumbangan yang diterima akan disalurkan langsung kepada Tabung Yayasan Kebajikan Sabah untuk tujuan bantuan banjir.

Tabung bantuan mangsa banjir ini yang memulakan kutipan dalam tempoh tiga hari bermula pada 8 Januari 2022 telah menarik ramai penyumbang yang ingin turut sama membantu mangsa banjir di Negeri Sabah.

Kutipan sebanyak **RM550,000** ini akan disalurkan kepada lebih 2000 mangsa melalui Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar di bawah Pusat Pemindahan Sementara mengikut daerah. Daerah yang terlibat adalah Kota Marudu, Paitan, Beluran, Telupid, Sandakan dan Pitas. Perancangan Sumbangan Dana Mangsa Banjir Kilat yang telah diputuskan adalah bantuan barang-barang keperluan dapur, keperluan persekolahan anak-anak terjejas akibat banjir dan juga keperluan lain yang diperlukan. YKS merancang untuk membantu mangsa banjir kilat sebaik sahaja dana terkumpul bermula di Sandakan, Telupid, Paitan dan Beluran. Sejak 3/1/2022, YKS telah pun menyalurkan bantuan mangsa banjir di Kota Marudu dan Pitas.

YKS telah ditubuhkan pada Julai 2021 dan merupakan inisiatif daripada YAB Ketua Menteri Sabah yang bertujuan untuk meningkatkan dan membangunkan tahap sosio ekonomi rakyat negeri Sabah ke arah masyarakat yang sejahtera dan maju jaya.

Kerjasama diantara pihak JENTAYU dan YKS merupakan usaha murni yang melambangkan keprihatinan badan korporat dalam meningkatkan tahap sosio ekonomi rakyat negeri Sabah.

Puan Rugayah binti Ag. Besar selaku Pengarah Yayasan Kebajikan Sabah berkata “YKS berasa amat bangga dengan usaha sama murni JENTAYU kerana sudi menjemput kami untuk turut sama menjayakan program majlis derma kilat bagi mangsa banjir”.



Perlaksanaan Majlis Pengumpulan Dana ini merupakan perubahan saat akhir di atas dasar keprihatinan oleh pihak Pengurusan Syarikat JENTAYU yang pada mulanya bercadang untuk mengadakan Majlis Pelancaran Pertukaran Nama Ipmuda Berhad kepada Jentayu Sustainables Berhad dan juga Majlis Pelancaran Projek Tenaga Hidro Elektrik Sungai Maligan-Padas.

Majlis ini juga bertepatan dengan perubahan semula nama IPMUDA Berhad kepada Jentayu Sustainables Berhad selaras dengan misi dan visi syarikat – *A Sustainable Future for All*. JENTAYU yang telah menginjak usia 47 tahun telah melalui perubahan pemilikan baru dan kini memfokuskan kepada pembangunan tenaga boleh baharu dan kelestarian sebagai agenda utama. Ini juga selaras dengan aspirasi JENTAYU untuk menerapkan pematuhan nilai-nilai prinsip *Environment, Social and Governance (ESG)*.

Datuk Hj Beroz Nikmal Mirdin, Pengerusi Eksekutif JENTAYU yang juga merupakan Pemegang Amanah YKS menyeru lebih ramai badan korporat dan swasta untuk turut sama menyumbang dalam meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa banjir. Tambah beliau lagi, selaku anak Sabah beliau mengajak lebih ramai anak Sabah agar kembali berbakti dan menyumbang kepada usaha meningkatkan tahap sosio ekonomi rakyat negeri Sabah.

"Kepada semua penyumbang, terima kasih kami ucapkan. Pihak JENTAYU mengambil maklum akan situasi Negara dalam menghadapi musibah banjir di kala pandemik dan telah mengambil keputusan untuk menggantikan majlis pelancaran projek kami kepada majlis pengumpulan dana dengan harapan untuk bersama-sama meringankan beban mangsa banjir di Negeri Sabah."

"Selanjutnya sebagai tanda komitmen kepada pembangunan Negeri Sabah, ibu pejabat JENTAYU akan berpindah ke Kota Kinabalu" tambah Datuk Hj Beroz.

Majlis yang bermula pada jam 9.00 malam dipengacaraikan oleh Daphne Iking dan turut diserikan dengan persembahan barisan artis yang terkemuka, seperti Nikki Palikat (Gegarvaganza), Dato' Hattan dan Dato' Awie.

- Tamat -



### **Mengenai Jentayu Sustainable Berhad**

Didorong oleh penciptaan nilai pihak berkepentingan, Jentayu Sustainable Berhad (sebelum ini dikenali sebagai IPMUDA Berhad) telah berkembang daripada pembekal utama bahan binaan tersuai kepada organisasi yang menjalankan operasi berprestasi tinggi yang mampan, yang terlibat dalam sektor pertumbuhan utama iaitu tenaga boleh diperbaharui, penjagaan kesihatan dan perdagangan.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1975, dan disenaraikan di Bursa Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (Bursa) pada tahun 1993, JENTAYU telah melalui transformasi menyeluruh yang menyuntik semangat untuk meneruskan pertumbuhan berterusan dan mampan. Kumpulan kini disenaraikan di bawah Sektor Produk Industri dan Perkhidmatan (Nama & Kod: JENTAYU & 5673).

Jentayu Sustainable Berhad kekal teguh dalam mencapai aspirasi kami untuk menjadi pemain serantau yang terkemuka, dengan tumpuan kepada tadbir urus dan kemampanan dalam semua yang operasi yang kami jalankan.

### **Untuk Pertanyaan Media**

**Izzat Alhadjri**  
Naib Presiden Kanan 1/ Ketua Komunikasi  
Korporat  
**JENTAYU SUSTAINABLES BERHAD**  
M: +60192180792  
[izzat@jentayu-sustainables.com.my](mailto:izzat@jentayu-sustainables.com.my)

**Sarinah Said**  
Ketua Korporat  
**Yayasan Kebajikan Sabah**  
M : +60168282817

**Ng Shu Wain**  
Tel: +603 7733 7752  
M: +6012 280 6909  
[shuwain@imejiwa.com](mailto:shuwain@imejiwa.com)